

Saham UMWOG Jadi Perhatian Susulan Peroleh Kontrak Petronas Carigali Brenilai RM148 Juta
Bernama
5 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Saham UMW Oil and Gas Corp Bhd (UMWOG) dijangka menjadi perhatian hari ini susulan berita bahawa unitnya memperoleh kontrak perkhidmatan sokongan kira-kira RM148 juta daripada Petronas Carigali Sdn Bhd pada Selasa.

Syarikat itu berkata kontrak itu meliputi projek pelantar unit kerja hidraulik (HWU) untuk program kerja Petronas Carigali selain baj kerja penempatan dan kren mudah alih.

Kontrak itu untuk tempoh dua tahun, dengan opsyen lanjutan setahun, kata syarikat itu dalam makluman kepada Bursa Malaysia.

Hong Leong Investment Bank berkata ia menganggap berita itu positif memandangkan UMWOG ialah peneraju pasaran dalam sektor penggerudian tempatan, dan memiliki lembaran imbangan kukuh yang boleh ditingkatkan.

"Kami positif ke atas projek ini kerana ia akan membantu meningkatkan kadar purata penggunaan HWU yang kini kurang daripada 50 peratus kepada 70 peratus dalam tahun kewangan 2014.

"Kami menganggarkan pelantar HWU sahaja akan menyumbang kira-kira RM37 juta untuk tempoh dua tahun dan nilai kontrak selebihnya menerusi baj kerja dan kren mudah alih," kata firma penyelidikan dalam notanya pada Rabu.

HLIB juga berkata UMWOG ialah proksi terbaik untuk meraih manfaat daripada pelantar tempatan itu.

Susulan itu, HLIB mengekalkan saranan 'simpan' ke atas UMWOG, pada harga sasaran yang tidak berubah pada RM4.12 berikutan pendapatan sesaham yang tidak berubah 20 kali, dalam tahun kewangan 2015, sebanyak 20.6 sen.

Walaupun berita itu positif kepada sektor penggerudian, HLIB berkata harga semasa sudah diambil kira dalam pengiraan asasnya.

Pada 9:53 pagi, saham UMWOG menokok lima sen kepada RM4.25, dengan 197,200 lot diurusniagakan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019367>